



كوفراسي پوليس دراج مليسيا برحد

KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD

No. 1, Jalan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

(Co. No: 74/1925)

Tel: 03-2260 8999, 2260 8888 Fax: 03-2274 9782

Internet : www.kpd.com.my E-mail : info@kpd.com.my

Bilangan :

Tarikh :

KP/18

27 hb. Mac 2017

“SEJAHTERA BERSAMA KOPERASI PDRM”

Pengerusi / Setiausaha / AJK

Ahli Jawatankuasa Kecil Daerah

KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD

Tuan / Puan,

**PEKELILING BERHUBUNG TEMPOH KELAYAKKAN
PERMOHONAN PEMBIAYAAN PERIBADI**

1. LATARBELAKANG

1.1 Antara matlamat utama penubuhan Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad (KPDRM) ialah untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi pegawai dan anggota polis melalui konsep penabungan / caruman. Melalui dana yang digembleng ini, dapat lah KPDRM menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan kepada anggotanya termasuklah penawaran pembiayaan dan insurans serta lain-lain kemudahan yang bersifat kebajikan seperti tabung khairat dan bantuan pelajaran.

1.2 Sejak akhir-akhir ini, KPDRM mengesan tren di kalangan anggota yang berhenti menjadi anggota bertujuan mendapatkan semula caruman yuran dan saham. Setelah wang saham dan yuran simpanan diperolehi, anggota tersebut akan memohon semula menjadi anggota KPDRM. Ini menjadikan dasar pengeluaran caruman yuran sedia ada tidak efektif. Keadaan ini memberi kesan yang negatif kepada keseimbangan dana dalaman KPDRM. KPDRM akhirnya terpaksa bergantung kepada dana luaran (bank) bagi memenuhi keperluan anggota.

1.3 Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Anggota Lembaga KPDRM yang bersidang pada 21/2/2017 telah mengambil ketetapan bagi mengekang keadaan ini dengan memakai semula dasar terdahulu berhubung tempoh kelayakkan meminjam.

2. TUJUAN

2.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan semua anggota KPDRM berhubung ketetapan Mesyuarat Anggota Lembaga KPDRM yang bersidang pada 21/2/2017 mengenai tempoh layak untuk memohon pembiayaan peribadi bagi anggota baru.

3. TEMPOH LAYAK MEMOHON PEMBIAYAAN PERIBADI

3.1 Tempoh layak memohon ialah **6 bulan dari tarikh mendaftar sebagai anggota KPDRM.**

3.2 Ketetapan ini juga terpakai kepada anggota-anggota yang telah berhenti dan memohon semula untuk menjadi anggota koperasi.

3.3 Peraturan ini tidak terpakai bagi pemohon pembiayaan konsumen. (Syarat layak memohon pembiayaan konsumen ialah menjadi anggota KPDRM dan telah tamat Latihan Asas Polis).

4. TARIKH KUATKUASA

4.1 Perlaksanaan ketetapan ini berkuatkuasa mulai dari tarikh pekeliling ini.

5. PENUTUP

5.1 Tindakan di atas diambil ialah bagi memantapkan lagi kedudukan kewangan KPDRM untuk membolehkan keutamaan pinjaman peribadi

diberi kepada mereka yang telah menyumbang dana dalam KPDRM. Ianya juga mengekang amalan berkoperasi yang tidak sihat di kalangan anggota yang sewenang-wenangnya berhenti daripada koperasi.

Sehubungan dengan ini, besarlah harapan kami agar dapat kiranya Tuan / Puan memanjangkan perkara ini kepada anggota-anggota KPDRM.

Sekian, terima kasih.

“Sejahtera Bersama Koperasi PDRM”

Yang Benar


DATO' ZULKAPLI BIN AHMAD
SETIAUSAHA